



**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF RAI ANAK YATIM DI MAJLIS IFTAR RAMADAN**

***Kuala Lumpur, 2 Jun 2017*** – Seramai empat puluh enam (46) orang anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Siraman Kasih di Rawang telah menghadiri majlis Majlis Iftar Ramadan & Solat Tarawih sempena bulan Ramadan anjuran Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) baru-baru ini.

Acara tahunan tersebut telah diadakan di Menara MIDF, Jalan Raja Chulan dan turut disertai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan kanan serta warga kerja MIDF. Rombongan dari Pusat Jagaan Siraman Kasih yang terdiri daripada anak-anak yang berumur diantara 7 – 12 tahun telah menerima cenderahati serta wang sumbangan berjumlah RM50 setiap seorang dari MIDF. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada mereka oleh Pengerusi Kumpulan MIDF, Tan Sri Abdul Rahman Mamat.

“MIDF sememangnya menjalankan program-program kemasyarakatan bagi membantu golongan yang memerlukan, dan majlis iftar ini adalah tradisi bagi MIDF pada setiap bulan Ramadan,” kata Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah. “Melalui program ini, bukan syarikat sahaja yang mengambil peluang untuk membantu anak-anak yatim ini, malahan warga kerja MIDF turut sama menghulurkan sumbangan persendirian masing-masing kepada mereka.”

MIDF telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM5,000 kepada Pusat Jagaan Siraman Kasih pada majlis tersebut. “Acara ini adalah salah satu cara untuk kami membawa keceriaan kepada anak-anak ini dengan setiap meja dihos oleh kakitangan MIDF yang melayan mereka sepanjang majlis,” ujar Datuk Mohd. Najib lagi. “Secara tidak langsung mereka seakan-akan berbuka puasa bersama keluarga masing-masing.”

## **Mengenai MIDF**

MIDF telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Anita Ramly  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tel: (03) 2173 8756  
Faks: (03) 2173 8866  
HP: (019) 332 4809  
Emel: [anita.ramly@midf.com.my](mailto:anita.ramly@midf.com.my)